



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**RABU 1 MAC 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	LIMA NELAYAN TANGKAP IKAN DI KAWASAN LARANGAN DITAHAN, NEGERI P.PINANG, SH -25	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	HARAP BANTUAN UNTUK NELAYAN, LOKAL, HM -21	LAIN-LAIN
3.	PETANI PERLU DIBERI SOKONGAN TINGKAT PENGELUARAH MAKANAN, RENCANA, BH -12	
4.	'KENAPA PINGGIRKAN NELAYAN?', NEGERI PAHANG, SH 22	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG	25

## Lima nelayan tangkap ikan di kawasan larangan ditahan

**GEORGETOWN** - Lima nelayan warga tempatan ditahan sepasukan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang kerana disyaki menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

Pengarah Maritim Malaysia Pulau Pinang, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, kesemua nelayan berusia dalam lingkungan 38 hingga 63 tahun itu ditahan ketika berada dalam sebuah bot nelayan tempatan kira-kira jam 7.55 malam Isnin.

Menurutnya, kelima-lima mereka ditahan semasa pemeriksaan ke atas sebuah bot nelayan tempatan kelas B1 dalam Op Pertiwi dan Op Tanjung.

"Bot nelayan tempatan yang berpangkalan di Kuala Kurau, Perak itu ditahan pada kedudukan sekitar 6.6 batu

nautika barat daya Pulau Kendi iaitu kurang lapan batu nautika dari pantai mengikut syarat sah lesen.

"Oleh itu, mereka disyaki melakukan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan mengikut syarat lesen iaitu kurang lapan batu nautika dari Pulau Kendi," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Kata beliau, selain bot, pihaknya turut merampas 200 kilogram hasil laut.

"Semua tangkapan, hasil laut dan bot dibawa ke Jeti Limbongan Batu Maung sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk tindakan lanjut. Penahanan kesemua nelayan ini adalah sebahagian daripada peranan dan tanggungjawab Maritim Malaysia," katanya.



Lima nelayan tempatan yang ditahan kerana disyaki menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/3/2023	HARIAN METRO	LOKAL	21



## Harap bantuan untuk nelayan

NELAYAN Pantai, Ramli Mohamad 55, menjahit pukot lama ketika tidak dapat turun ke laut berikutan cuaca dan ombak yang tidak menentu di Kampung Pantai Besar. - Gambar NSTP/FARIZUL HAFIZ AWANG

**Kuantan:** “Kami sedikit terkilan apabila tiada bantuan untuk golongan nelayan dalam belanjawan kali ini, sedangkan kami juga terkesan setiap kali musim tengkujuh.”

Itu luahan nelayan pantai apabila tiada bantuan diperuntukkan kepada mereka pada pembentangan Belanjawan 2023 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini.

Dalam pembentangan belanjawan pada 24 Februari

lalu, Perdana Menteri mengumumkan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) berjumlah RM3,200 untuk pekebun kecil getah dan RM600 bagi untuk pesawah, namun tiada bantuan khusus untuk nelayan.

Nelayan pantai, Abdul Aziz Razali, 53, dari Besar di sini, berkata, mereka hilang punca pendapatan setiap kali musim tengkujuh dan hanya berharap Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) RM300 sebulan untuk perbelanjaan harian.

“Kenaikan mendadak harga peralatan menangkap ikan serta minyak 2T untuk kegunaan enjin sangkut selepas pandemik Covid-19 membebankan golongan nelayan pantai ketika ini.

“Jadi, kami berharap Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dapat berjumpa dengan Perdana Menteri dan memohon bajet tambahan, kalau boleh bantuan *one-off* untuk golongan nelayan,” katanya.



# Petani perlu diberi sokongan tingkat pengeluaran makanan

• Dicadangkan latihan diberikan kepada pegawai pembangunan dan pegawai kerajaan berurusan secara terus dengan petani supaya keseluruhan komuniti pertanian berilmu serta terlatih seperti di negara maju

• Dana dan sumber agensi sepatutnya disalurkan untuk mendayaupayakan pekebun kecil ke arah peningkatan produktiviti dan berpendapatan tinggi hingga mampu berdikari dan mandiri



Felo Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad  
bhrencana@bh.com.my

Di sebalik ungkapan bernas bersari keindahan daripada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Belanjawan 2023 menjanjikan beberapa perubahan struktur berpotensi mencorakkan landskap baharu sektor pertanian dan keterjaminan makanan. Dengan sedikit penambahan, kedua-dua sektor ini mampu lebih dinamik serta menjamin bekalan makanan kepada rakyat tanpa gangguan.

Belanjawan yang akan mengubah struktur pertanian dan makanan adalah meningkatkan automasi dan pendigitalan, iaitu strategi dinantikan sekian

lama. Dana Skim Pembiayaan Agrofood sebanyak RM1 bilion daripada Bank Negara Malaysia (BNM) adalah tepat dan bijak untuk menggerakkan sumber serta pengusaha menaikkan produktiviti pengeluaran dan pemasaran. Kerajaan juga memperkenalkan beberapa insentif fiskal untuk merangsang pemula dan juga inovator.

Pemilihan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sebagai golongan sasaran adalah tepat. Latihan dan bimbingan kepada kumpulan kolektif adalah murah dan berkesan dari segi pemindahan teknologi. PPK dan koperasi pertanian juga perlu ditransformasi dengan penerapan digital dalam pengurusan dan perniagaan.

Kejayaan program ini akan meningkatkan produktiviti, kecekapan dan inovasi, lantas daya saing. Namun, beberapa pengamatan perlu difikirkan sebelum pelaksanaan supaya negara tidak mengulangi sejarah ketirisan, kerugian, pengurusan projek lemah dan komitmen lemah pihak pelaksana.

Program ini perlu dirangkaan seteliti mungkin dengan menyatukan idea pihak atasan kepada pemegang taruh atau petani, malah paling penting daripada petani ke pihak atasan. Pemantauan dan penilaian program latihan dan penerapan teknologi perlu dibuat terperinci dari semasa ke semasa.

Dicadangkan latihan diberikan kepada pegawai pembangunan dan pegawai kerajaan berurusan secara terus dengan petani supaya keseluruhan komuniti pertanian berilmu serta terlatih seperti di negara maju.

Kesinambungan pendigitalan dan inovasi perlu dilengkapi dengan khidmat pembangunan antara koperasi, PPK atau petani dengan agensi pertanian kerajaan dan universiti seperti dilaksanakan di Thailand, Vietnam serta China.

Bagi pendigitalan meluas kepada petani, Malaysia perlu mengurangkan kos capaian internet. Mengikuti kajian oleh iotbusiness-platform.com, kos capaian internet di negara ini adalah paling tinggi di ASEAN, iaitu dianggarkan AS\$3.16/Mbit (RM14.01/Mbit) berbanding Singapura (AS\$0.05/Mbit atau RM0.22/Mbit). Petani miskin pasti tidak mampu membayar kos tinggi ini, lantas menghalang penerapan internet benda (IoT), e-dagang dan aplikasi lain.

Seruan kerajaan supaya agensi kerajaan dan badan berkanun kembali kepada matlamat asal pertubuhan juga wajib. Hampir semua badan berkanun

memiliki pelbagai subsidiari bertujuan meningkatkan keuntungan.

## Tingkat kesejahteraan pekebun

Usaha ini menyimpang daripada matlamat asal, iaitu meningkatkan kesejahteraan pemegang taruh mereka atau pekebun kecil. Akibatnya, sebahagian besar pekebun kecil masih tergolong dalam kategori B40 termasuk pesawah, pekebun getah dan sawit. Dana dan sumber agensi sepatutnya disalurkan untuk mendayaupayakan pekebun kecil ke arah peningkatan produktiviti dan berpendapatan tinggi hingga mampu berdikari dan mandiri.

Jika ini dicapai, ia akan mengurangkan beban fiskal kerajaan terutama subsidi dan dana dijimatkan boleh disalurkan untuk tujuan pembangunan terutama pendidikan, khidmat sosial serta ekonomi hijau.

Sudah sampai masanya Malaysia mengukur kejayaan agensi dan badan berkanun bukan berlandaskan bilangan subsidiari dan kakitangan besar, sebaliknya agensi kecil tetapi berprestasi tinggi dan berorientasikan misi terutama memajukan pekebun kecil, mampu mandiri, pendapatan tinggi, kesejahteraan dan kemajuan perusahaan.

Mengenai pengeluaran makanan berskala besar, kerajaan sangat bermurah hati memberi insentif tanah, pembiayaan dan geran teknologi kepada sektor swasta untuk mencontohi kejayaan syarikat susu Farm Fresh.

Namun, tidak semua produk makanan adalah susu kerana terdapat pelbagai jenis sayur, buah, ternakan (ruminan dan bukan ruminan), ikan (marin dan akuakultur) yang memiliki ciri tersendiri serta mungkin sukar dilaksanakan besar-besaran. Ini terbukti dalam kes projek tanaman betik berat uskar oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tumpang disebabkan pokok diserang penyakit tidak dapat ditangani, selain projek Pusat Fitlot Kebangsaan gagal mendapat sokongan penternak kecil.

Dasar itu mengundang persoalan mengapa polisi sama tidak disediakan kepada petani kecil? Kecuali sawit, lebih 90 peratus pengusaha pertanian adalah pekebun kecil contohnya purata saiz kebun pekebun sayur antara 1 hingga 2 hektar.

Pekebun kecil bukannya beban kepada negara, sebaliknya aset kerana mereka membantu pengeluaran makanan sekian lama. Sektor makanan Thailand dan Vietnam diusahakan pekebun kecil, bukan syarikat, korporat besar atau estet. Petani di kedua-dua negara ini kecil tetapi kaya dari segi sokongan pembangunan teknikal dan penyelidikan dan pembangunan (R&D) daripada kerajaan meny-

babkan produktiviti tinggi hingga menjadi antara pengeluar makanan terbesar dalam pasaran dunia.

Ini bermakna, jika kerajaan bermurah hati membantu syarikat besar, tidak salah jika 'memanjakan' petani kecil dengan sokongan sama. Faedahnya besar, iaitu meningkatkan produktiviti dan pendapatan mereka lebih setara kerana jumlahnya ramai, kompetitif, meningkatkan pengeluaran, mewujudkan komuniti desa dinamik, memanfaatkan kepelbagaian bioteknologi, menghijaukan landskap dan kelestarian ilmu tanam-menanam kepada generasi muda keluarga dan pelbagai faedah ekologi.

## Manfaat potensi tanah terbiar

Syarikat besar lazimnya tidak mewujudkan pasaran bersaing dan lebih berpaksikan pulangan kepada modal. Ketika dicabar harga merudum, syarikat lazimnya akan mengubah perniagaan untuk memastikan pulangan terus berbaloi.

Isu tanah terbiar berterusan begitu sahaja. Walaupun ia berpotensi menjadi produktif jika diuruskan secara sistematik, Malaysia boleh belajar daripada pengalaman China yang mewujudkan pasaran sewa tanah ke atas tanah terbiar kepada pengusaha berminat. Melalui pangkalan data lengkap dan peraturan mesra penyewa, tanah terbiar diusahakan dengan produktif dan perpindahan antara penyewa adalah licin dan cekap.

Mengenai Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) yang akan menyumbang RM60 juta kepada petani, adalah berita baik. Namun secara purata, bererti petani akan menerima RM250, iaitu nilai kecil berbanding purata kos pengeluaran padi sekitar RM4,000 sehektar.

Perkongsian 30 peratus daripada keuntungan BERNAS membuktikan keuntungan besar syarikat ini sebagai pengimport tunggal beras lebih 30 tahun hingga sudi berkongsi dengan petani. Ini juga berita manis kepada petani. Cuma risikonya apabila pasaran beras dunia pincang seperti 2008 yang BERNAS perlu mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan untuk mengimport dan mengeluarkan beras.

BERNAS menerima subsidi besar daripada kerajaan untuk mengeluarkan beras ST15. Jika krisis sebegini berulang, maka perkongsian ini akan terjejas. Namun, kerajaan perlu menyediakan perancangan rapi ke arah industri bersaing apabila konsesi mereka tamat menjelang 2030.

Sebagai syarikat perniagaan, BERNAS mungkin memindahkan beban perkongsian ini kepada pengguna melalui harga tinggi ke atas beras import atau beberapa strategi lain untuk menampung kos perkongsian.





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
1/3/2023	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG	22

# 'Kenapa pinggirkan nelayan?'

Mereka dakwa tidak terima manfaat Belanjawan 2023 berbanding pesawah padi

Oleh NORAWAZNI YUSOF  
KUANTAN

**M**ajoriti nelayan pesisir pantai di daerah ini meluahkan kekecewaan dan berasa dipinggirkan selepas tidak mendapat manfaat daripada Belanjawan 2023 yang dibentang Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lalu.

Rata-rata nelayan mendakwa tiada siapa yang mengambil tahu nasib mereka, sedangkan ketika ini mereka hilang punca pendapatan selepas empat bulan tidak dapat turun ke laut akibat ombak besar.

Kehidupan mereka kini hanya bergantung kepada bantuan elaun sara hidup nelayan sebanyak RM300 sebulan, bagi meneruskan kelangsungan hidup dalam keadaan harga barangan semakin meningkat pada ketika ini.

Wan Abdul Jamaluddin Wan Mohamad, 53, berkata, kerajaan sewajarnya mempertimbangkan insentif atau bantuan sebagaimana golongan masyarakat yang lain.

Dia yang lebih 20 tahun menjadi nelayan mendakwa, ini kali pertama nelayan dipinggirkan, sedangkan golongan nelayan juga memerlukan bantuan daripada kerajaan.

"Kami terkilan, sebab tidak dapat apa-apa bantuan. Sudah empat bulan tiada pendapatan kerana tidak boleh ke laut.



WAN ABDUL JAMALUDDIN



ABDUL AZIZ

"Selama empat bulan itu juga, sudah kering air mata kami menangis. Kudrat memang sihat, namun jika hendak kerja sambil siapa hendak ambil bekerja sebulan dua, semua kerja sekarang kontrak setahun," katanya ketika ditemui di wakat nelayan Besaroh, di sini pada Selasa.

Bapa kepada lima anak kini buntu apabila memikirkan bahawa tidak lama lagi akan berdepan dengan pembukaan sekolah, bulan Ramadan dan persediaan Syawal.

"Semua perlukan duit dan saya memang rusing fikir perkara ini. Bila keadaan begini, kita terpaksa berhutang dengan kedai runcit beli barang keperluan dapur tapi keperluan lain (persekolahan dan persediaan menyambut Ramadan, Syawal) tidak tahu macam mana.

"Jadi, kita minta mana-mana pihak datang dan dengar keluh kesah kita semua, jangan masa hendak mengundi baru datang," luahnya.

Rakannya, Abdul Aziz Razali yang hampir 30 tahun menjadi nelayan mengakui rasa terkilan kerana mereka tidak mendapat sebarang manfaat daripada Belanjawan 2023.

Namun, dia mengharapkan agar kerajaan dapat mempertimbangkan bantuan sekali bayar (one-off) ketika musim tengkujuh agar dapat meringankan sedikit nasib nelayan.

"Kalau boleh pertimbangkan bantuan sekali bayar kepada kami yang sudah empat bulan tidak dapat turun ke laut.

"Pada ketika ini, kami benar-benar bergantung hidup dengan bantuan elaun sara hidup sebanyak RM300," keluhnya.

Selain itu, Abdul Aziz juga mahu beberapa perkara yang perlu diberi perhatian kerajaan dalam meringankan beban warga nelayan.

Katanya, bantuan seperti pemberian bot dan kelengkapan menangkap ikan yang tidak lagi tidak lagi diberikan kepada nelayan sangat diperlukan.



Abdul Aziz (kanan) bersama rakan nelayan melihat ombak di Pantai Besaroh yang masih bergelora yang menghalang mereka turun ke laut mencari rezeki.



Ramlil (dua dari kiri) menjahit pukut selepas tidak dapat turun ke laut hampir empat bulan disebabkan keadaan laut ketika masih bergelora.

"Kalau dulu, ada bantuan enjin bot dan nelayan dapat bergilir-gilir, tetapi kini bantuan itu dibekukan," katanya.

Seorang lagi nelayan, Ramlil Mohamad, 55, merayu kepada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Malaysia, Datuk Seri Mohamad Sabu, untuk turun padang melihat sendiri nasib nelayan pesisir pantai.

"Kami mahu nasib kami diambil tahu oleh pihak atasan dan saya hendak sentuh tentang menteri kitaiah (Mohamad), belum nampak peranan jelas beliau sejak dilantik menteri.

"Tolonglah ambil berat kisah kami. Hidup susah, hendak ke laut tidak dapat, duit simpanan pula habis, bergantung hidup kepada elaun sara hidup sahaja," katanya yang berharap Belanjawan 2023 akan ditambah baik dengan mengambil kira nasib warga nelayan agar mereka

tidak terasa dipinggirkan.

Dalam pada itu, dalam Belanjawan 2023 yang dibentangkan pada 24 Februari lalu, difahamkan golongan nelayan tidak menerima apa-apa manfaat berbanding golongan pesawah padi yang menerima peruntukan RM1.6 bilion untuk pelbagai subsidi dan insentif meliputi harga padi, baja padi, dan padi huma.

Selain itu, kerajaan juga bersetuju menaikkan sumbangan musim tengkujuh daripada RM600 kepada RM800 untuk tempoh empat bulan yang memanfaatkan 320,000 pekebun kecil.

Belanjawan 2023 bertemakan 'Membangun Malaysia Madani' memabitkan peruntukan RM388.1 bilion dengan RM289.1 bilion untuk belanja mengurus, RM99 bilion bagi belanja pembangunan dan termasuk RM2 bilion simpanan luar jangka.